



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



KREATIVITI DIDIK HIBUR DAN MOTIVASI DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID ASNAF

CREATIVE FUN LEARNING AND MOTIVATION FOR ENHANCING READING SKILLS AMONG ASNAF STUDENTS

Mardzelah Makhsin^{1*}, Nor Hasimah Ismail², Mohamad Fadhli Ilias³

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: mazfaniy@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: nhsimah@uum.edu.my

³ Kementerian Pendidikan Malaysia

Email: ustazfadhli72@gmail.com

• Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.04.2025

Revised date: 13.05.2025

Accepted date: 03.06.2025

Published date: 30.06.2025

To cite this document:

Makhsin, M., Ismail, N. H., & Ilias, M. F. (2025). Kreativiti Didik Hibur Dan Motivasi Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Asnaf. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 1204-1215.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058077.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kemahiran membaca adalah asas utama dalam pembangunan ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat. Namun begitu, murid asnaf di sekolah rendah sering berdepan dengan cabaran sosioekonomi yang menjejaskan penguasaan literasi mereka secara signifikan. Dalam konteks ini, pendekatan didik hibur yang mengintegrasikan elemen kreativiti dan motivasi berpotensi menjadi strategi efektif untuk meningkatkan kemahiran membaca murid asnaf secara inklusif dan menyeronokkan. Kajian ini bertujuan meneroka kesan kreativiti pendekatan didik hibur dan faktor motivasi dalam memperkukuh kemahiran membaca murid asnaf di beberapa sekolah rendah di negeri Perlis. Kajian menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah temubual separa berstruktur melibatkan enam orang murid asnaf Tahun 3 dan 4. Data dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan tematik untuk mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan pengalaman murid terhadap pendekatan didik hibur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid menunjukkan minat dan keterlibatan yang tinggi dalam pembelajaran membaca apabila pengajaran melibatkan aktiviti menyeronokkan seperti video digital, permainan interaktif, dan penggunaan ganjaran fizikal. Guru berperanan penting dalam membimbing secara mesra dan mewujudkan suasana kelas yang kondusif melalui penggunaan pendekatan pelbagai deria berdasarkan model VARK. Walaupun begitu, cabaran kekangan akses internet dan ketiadaan peranti di rumah masih menjadi halangan utama kepada keberkesanan pengajaran. Kajian mencadangkan agar pihak sekolah dan komuniti memperkukuh sokongan digital dan membina program pemulihan membaca yang menyeronokkan serta inklusif untuk murid asnaf. Implikasi kajian menegaskan

bahawa pendekatan didik hiburan yang kreatif dapat memperkuat motivasi intrinsik murid dan secara progresif meningkatkan penguasaan literasi asas. Kajian ini memberi sumbangan penting kepada pembangunan amalan pedagogi inovatif sejajar dengan aspirasi Kurikulum Persekolahan 2027 dan Gagasan Malaysia Madani, khususnya dalam usaha memperkasakan pendidikan murid asnaf di Perlis.

Kata Kunci:

Kreativiti, Didik Hibur, Murid Asnaf, Literasi Membaca, Motivasi Pembelajaran, Digital, VARK

Abstract:

Reading skills form the foundation of knowledge acquisition and lifelong learning. However, underprivileged (asnaf) primary school students often face socio-economic challenges that significantly hinder their literacy development. In this context, the edutainment approach, integrating creativity and motivation has the potential to serve as an effective strategy to enhance reading skills among asnaf students in an inclusive and enjoyable manner. This study aims to explore the impact of creative edutainment approaches and motivational factors on improving the reading skills of asnaf students in several primary schools in Perlis, Malaysia. A qualitative research design was employed, using semi-structured interviews involving six asnaf students from Years 3 and 4. Data were analyzed thematically to identify key themes related to the students' experiences with the edutainment approach in reading instruction. Findings reveal that students demonstrate high interest and engagement when reading instruction incorporates enjoyable activities such as digital videos, interactive games, and physical rewards. Teachers play a crucial role by providing supportive guidance and creating a conducive classroom environment through the application of multisensory learning strategies based on the VARK model. Nevertheless, challenges such as limited internet access and the absence of digital devices at home remain significant barriers to effective learning. The study recommends that schools and communities strengthen digital support and develop inclusive, fun remedial reading programs specifically tailored for asnaf students. The findings emphasize that creative edutainment approaches can enhance students' intrinsic motivation and progressively improve foundational literacy skills. This research contributes valuable insights to the development of innovative pedagogical practices aligned with the aspirations of the Malaysia Education Blueprint 2025 (Kurikulum Persekolahan 2027) and the Malaysia Madani vision, particularly in empowering asnaf students in Perlis.

Keywords:

Creativity, Fun Learning, Asnaf Pupils, Reading Literacy, Learning Motivation, Digital Education, VARK

Pengenalan

Kreativiti didik hiburan adalah strategi pedagogi yang berkesan dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan murid, khususnya bagi murid asnaf yang menghadapi cabaran sosioekonomi dan akademik (Norlela Ahmad & Shamsudin Othman, 2020). Pendekatan ini menggabungkan elemen hiburan seperti permainan, lagu, video digital, dan aktiviti interaktif yang mampu merangsang minat serta tumpuan murid dalam proses pembelajaran (Muhammad Fadhil,

Mahzan, & Norul Haida, 2021). Dalam kalangan murid asnaf, kreativiti dalam didik hibur bukan sahaja mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, malah turut memperkukuh kemahiran membaca dan literasi awal (Pauline Unjong & Seruji, 2022). Motivasi intrinsik murid juga diperkasa melalui pengalaman pembelajaran yang relevan dan menyeronokkan, seterusnya menyokong keberhasilan pengajaran (Jamili & Mahamod, 2021). Namun demikian, murid asnaf sering menghadapi pelbagai cabaran yang menghalang penguasaan kemahiran membaca, antaranya kekurangan minat dan motivasi serta akses terhadap kepada sumber pembelajaran yang berkualiti (Hanapiah & Mohd Rusli, 2023). Selain itu, kekurangan kreativiti dan kemahiran digital dalam kalangan guru turut menjadi faktor penghalang utama kepada keberkesanan pelaksanaan pendekatan didik hibur (Norlela Ahmad & Shamsudin Othman, 2020). Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada peranan kreativiti didik hibur dan motivasi dalam meningkatkan kemahiran membaca murid asnaf, dengan tujuan menyediakan panduan praktikal serta menyumbang kepada pembangunan amalan pedagogi yang lebih berkesan, inklusif, dan responsif. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi pendidikan nasional untuk memperkasakan literasi murid kurang bernasib baik dan mengurangkan jurang pencapaian dalam kalangan mereka.

Pernyataan Masalah

Kreativiti dalam pendekatan didik hibur semakin diiktiraf sebagai pemangkin kepada penglibatan murid secara aktif dan menyeronokkan dalam bilik darjah. Melalui pendekatan ini, guru dapat menyampaikan pengajaran secara lebih menarik dengan mengintegrasikan elemen muzik, permainan digital, animasi serta aktiviti berasaskan pergerakan dan visual yang terbukti dapat meningkatkan motivasi dan minat belajar murid (Hamid, Ahmad, & Isa, 2021; Othman, Rahman, & Zakaria, 2023). Namun begitu, dalam kalangan murid asnaf, cabaran penguasaan kemahiran membaca masih ketara. Antara punca utamanya ialah faktor sosioekonomi yang menyumbang kepada ketidaksamarataan pendidikan, termasuklah akses terhadap kepada bahan bacaan yang menarik, persekitaran rumah yang kurang menyokong pembelajaran, serta jurang digital yang membatasi pendedahan kepada teknologi pendidikan moden (Aziz, Baharuddin, & Omar, 2022). Saad, Manaf, dan Karim (2023) turut menegaskan bahawa kanak-kanak daripada isi rumah berpendapatan rendah sering terpinggir daripada intervensi literasi awal yang berkesan kerana kekangan sumber dan sokongan.

Di samping itu, tahap motivasi murid memainkan peranan penting dalam menentukan keberhasilan pembelajaran membaca. Kajian mendapati bahawa motivasi yang rendah, khususnya dalam kalangan murid berisiko, boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk fokus, berusaha dan konsisten dalam aktiviti membaca, lebih-lebih lagi apabila kaedah pengajaran tidak disesuaikan dengan keperluan dan gaya pembelajaran mereka (Hamid et al., 2021). Dalam hal ini, penggunaan pendekatan VARK (Visual, Auditory, Reading, Kinesthetic) yang selari dengan kecenderungan pembelajaran individu telah dikenal pasti sebagai strategi yang efektif untuk meningkatkan penglibatan murid secara emosi dan kognitif (Othman, Yusof, & Mahmud, 2023). Walau bagaimanapun, integrasi menyeluruh antara kreativiti pedagogi, teknologi digital dan pendekatan gaya pembelajaran pelbagai deria dalam konteks murid asnaf masih kurang diterokai secara mendalam. Ismail, Rahman, dan Fauzi (2021) menekankan bahawa ketidaksamaan peluang pendidikan semasa pandemik telah memperbesarkan jurang pencapaian dalam kalangan pelajar dari komuniti berpendapatan rendah. Dalam persekitaran pasca pandemik, kebergantungan kepada strategi pengajaran digital semakin meningkat, tetapi kesediaan guru dan kesesuaian intervensi masih menjadi persoalan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka secara komprehensif bagaimana kreativiti dalam pendekatan didik hibur dapat digabungkan dengan unsur motivasi pembelajaran untuk memperkukuh kemahiran membaca dalam kalangan murid asnaf sekolah rendah. Kajian ini akan memberi fokus kepada tiga aspek utama: (i) strategi pengajaran guru yang menyepadukan kreativiti dan empati, (ii) penerapan gaya pembelajaran pelbagai deria berasaskan model VARK, dan (iii) penggunaan teknologi digital sebagai alat bantu literasi yang relevan dan mudah diakses.

Objektif

Kajian ini bertujuan untuk meneroka kesan pendekatan kreatif didik hibur dan faktor motivasi pembelajaran terhadap peningkatan kemahiran membaca murid asnaf sekolah rendah, dengan tumpuan kepada penggunaan strategi pengajaran pelbagai deria (VARK) dan teknologi digital dalam suasana bilik darjah yang inklusif dan menyeronokkan.

Kajian Literatur

Kajian literatur ini memfokuskan kepada tujuh tema utama yang berkait rapat dengan objektif kajian iaitu: (1) Kreativiti dalam pengajaran; (2) Pendekatan didik hibur; (3) Pendidikan murid asnaf; (4) Kemahiran membaca; (5) Motivasi pembelajaran; (6) Pendidikan digital dan jurang akses; dan (7) Model VARK dalam strategi pengajaran literasi.

Kreativiti dalam Pengajaran

Kreativiti dalam pengajaran penting bagi menghasilkan strategi pembelajaran yang inovatif dan sesuai dengan konteks murid asnaf. Kajian oleh Hamid, Ahmad, dan Isa (2021) membuktikan aktiviti kreatif seperti permainan dan aktiviti seni meningkatkan kefahaman dan minat membaca. Walaupun hasil ini positif, kajian ini kurang meneliti cabaran guru dalam mengadaptasi kreativiti bagi murid asnaf dengan latar belakang sosioekonomi rendah. Othman, Rahman, dan Zakaria (2023) menegaskan keperluan integrasi elemen visual dan kinestetik yang menyokong pelbagai gaya pembelajaran, tetapi masih kurang kajian bagaimana kreativiti dapat diseimbangkan dengan tuntutan kurikulum yang ketat. Ini menuntut kajian mendalam untuk merangka kreativiti yang efektif dan praktikal bagi murid berisiko.

Pendekatan Didik Hibur

Didik hibur sebagai pendekatan pedagogi yang menyepadukan hiburan dan pembelajaran telah terbukti meningkatkan motivasi murid (Hamid et al., 2021; Yunus & Noordan, 2022). Namun, Sembai Aban Abdullah dan Wan Mohammad (2022) melaporkan bahawa pelaksanaan didik hibur menghadapi cabaran seperti kekurangan latihan guru dan sumber pembelajaran yang sesuai, terutamanya dalam pengajaran dalam talian. Oleh itu, pendekatan ini memerlukan perancangan dan sokongan yang rapi supaya tidak sekadar menyeronokkan tetapi juga berkesan dalam penguasaan literasi murid asnaf.

Pendidikan Murid Asnaf

Murid asnaf sering menghadapi halangan sosioekonomi yang menjejaskan pencapaian akademik mereka (Hanapiah & Mohd Rusli, 2023). Kajian oleh Sembai Aban Abdullah dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2022) menegaskan bahawa kekurangan sumber dan sokongan menyebabkan golongan ini sering terpinggir daripada intervensi literasi awal yang berkesan. Walaupun kajian-kajian ini memberikan gambaran jelas mengenai cabaran yang dihadapi, intervensi pedagogi yang menggabungkan keperluan sosioemosi murid asnaf masih kurang diterokai secara menyeluruh. Penekanan terhadap peranan guru sebagai fasilitator

empati juga perlu diperluas untuk memastikan sokongan yang menyeluruh dan berterusan kepada murid asnaf.

Kemahiran Membaca

Penguasaan kemahiran membaca asas penting bagi kejayaan pembelajaran keseluruhan. Pauline Unjong dan Seruji (2022) menunjukkan pendekatan didik hibur meningkatkan kemahiran membaca murid LINUS. Walau bagaimanapun, kajian tersebut masih terhad kepada murid tanpa mengambil kira cabaran khusus murid asnaf seperti kekurangan sumber pembelajaran di rumah. Kajian oleh Tan, Lim, dan Goh (2020) pula menekankan keperluan strategi pengulangan dan bacaan berirama untuk meningkatkan daya ingatan, namun aplikasinya kepada murid asnaf kurang diteroka. Oleh itu, kajian lebih berfokus pada aplikasi praktikal untuk murid asnaf amat diperlukan.

Motivasi Pembelajaran

Motivasi intrinsik adalah faktor utama kejayaan pembelajaran (Hamid et al., 2021). Jamili dan Mahamod (2021) mengesahkan bahawa murid berisiko lebih bermotivasi apabila pengajaran disampaikan secara kreatif dan menyeronokkan. Walaupun begitu, faktor sokongan luar seperti keluarga dan komuniti kurang diberi perhatian dalam kajian sedia ada, padahal ia berperanan penting dalam membina motivasi jangka panjang. Kajian juga perlu melihat bagaimana pendekatan didik hibur dapat disesuaikan bagi mengekalkan motivasi murid asnaf dalam pelbagai situasi pembelajaran.

Pendidikan Digital dan Jurang Akses

Penggunaan teknologi digital dalam pembelajaran semakin meluas, namun jurang digital antara murid bandar, luar bandar, dan murid asnaf masih menjadi isu ketara (Ayob, Aziz, & Ayob, 2022; Hanapiah & Mohd Rusli, 2023). Sembai Aban Abdullah dan Wan Mohammad (2022) mengemukakan bahawa kekangan kemahiran digital dalam kalangan guru merupakan cabaran utama dalam pelaksanaan pengajaran berasaskan teknologi. Kajian oleh Roslan, Hassan, dan Azlan (2023) menunjukkan bahawa penggunaan bahan digital interaktif dapat meningkatkan motivasi dan penglibatan murid di sekolah luar bandar. Walau bagaimanapun, Ismail, Rahman, dan Fauzi (2021) menegaskan keperluan latihan berterusan kepada guru serta penyediaan bahan pembelajaran yang mesra pengguna untuk memastikan keberkesanan penggunaan teknologi dalam PdP. Oleh itu, kajian holistik yang mengintegrasikan teknologi secara inklusif dan lestari khusus untuk murid asnaf masih sangat diperlukan bagi mengatasi ketidaksamaan akses pendidikan.

Model VARK dalam Strategi Pengajaran Literasi

Model VARK membahagikan gaya pembelajaran kepada Visual, Auditori, Reading/Writing, dan Kinestetik (Fleming & Mills, 1992). Kajian oleh Othman, Rahman, dan Zakaria (2023) menunjukkan bahawa pendekatan ini dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi murid apabila bahan pengajaran disesuaikan dengan gaya pembelajaran mereka. Othman, Yusof, dan Mahmud (2023) pula mengaitkan keberkesanan VARK dengan peningkatan pemahaman kerana penggabungan deria berbeza. Namun, penerapan VARK dalam gabungan dengan didik hibur untuk murid asnaf kurang diteroka, justeru kajian yang menumpukan pada integrasi kedua-dua pendekatan ini amat relevan dan bernilai.

Secara keseluruhan, kajian literatur menegaskan potensi tinggi pendekatan didik hibur yang kreatif, dipadankan dengan motivasi pembelajaran dan model VARK dalam menangani cabaran literasi murid asnaf. Walau bagaimanapun, kekurangan kajian yang menggabungkan

elemen-elemen ini secara menyeluruh menunjukkan keperluan penyelidikan lanjutan bagi membina model intervensi literasi yang inklusif, berkesan dan lestari.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian temubual separa berstruktur. Kajian melibatkan enam orang murid asnaf daripada Tahun 3 dan Tahun 4 yang dipilih secara purposif daripada beberapa buah sekolah rendah di negeri Perlis. Pemilihan sampel ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai pengalaman dan persepsi murid terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca. Data dikumpulkan melalui temubual separa berstruktur yang membolehkan murid berkongsi pandangan mereka secara terbuka mengenai aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan serta faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi mereka. Proses temubual dijalankan secara bersemuka dengan mengambil kira aspek keselesaan dan privasi murid bagi memastikan keterbukaan maklumat. Data yang diperoleh kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan tematik. Proses analisis melibatkan beberapa tahap, termasuk pengkodan data, pembangunan tema dan penafsiran tema-tema yang berkaitan dengan objektif kajian. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami corak dan makna tersirat dalam data kualitatif yang diperoleh. Cabaran yang dikenalpasti sepanjang pengumpulan data termasuk kekangan masa dan tahap keselesaan murid dalam memberikan maklumat. Walau bagaimanapun, proses temubual dijalankan dengan teliti dan berhati-hati untuk memastikan kualiti data yang diperoleh.

Dapatan Kajian

Kajian ini bertujuan meneliti pengalaman pembelajaran membaca dalam kalangan murid asnaf sekolah rendah menggunakan pendekatan digital berasaskan gaya pembelajaran VARK (Visual, Auditory, Reading, Kinesthetic). Seramai enam orang murid asnaf Tahun 3 dan 4, berumur antara 9 hingga 10 tahun, telah ditemubual secara mendalam menggunakan protokol semi-struktur. Hasil analisis tematik mendapati 12 tema utama yang menggambarkan aspek motivasi, peranan guru, penggunaan aplikasi dan cabaran digital yang dihadapi.

Tema 1: Minat Membaca yang Belum Konsisten

Semua murid menunjukkan minat terhadap aktiviti membaca, khususnya apabila bahan bacaan disampaikan secara interaktif atau disertai aktiviti menyeronokkan seperti menonton video atau membaca dalam kumpulan. Namun, mereka mengakui bahawa mereka jarang membaca di rumah, melainkan ketika di sekolah bersama guru dan rakan.

“Saya suka cerita... cikgu pasang video best, lepas tu kami baca ramai-ramai.” – M3

Minat ini bersifat situasional dan masih belum mantap menjadi tabiat sendiri.

Tema 2: Akses Peranti Terhadap Sekolah Sahaja

Semua murid menyatakan bahawa mereka hanya menggunakan tablet atau komputer riba yang disediakan pihak sekolah. Di rumah, mereka tidak memiliki peranti sendiri untuk meneruskan pembelajaran digital.

“Kat rumah tak ada telefon, saya guna kat sekolah je.” – M4

Situasi ini mencerminkan jurang digital yang ketara antara persekitaran sekolah dan rumah, yang seterusnya memberi kesan terhadap kesinambungan proses literasi.

Tema 3: Aplikasi Pembelajaran yang Digemari

Murid menyebut beberapa aplikasi yang digunakan semasa PdP seperti YouTube, permainan ABC, aplikasi mengeja dan latihan kira-kira. Mereka menunjukkan keutamaan terhadap aplikasi yang mempunyai elemen bunyi dan visual yang menyeronokkan.

“Saya suka tekan ABC, dia keluar suara dan gambar.” – M5

Pendekatan gabungan visual dan auditori ini didapati sangat membantu memahami ejaan, perkataan dan sebutan.

Tema 4: Reaksi Emosi Positif terhadap Pembelajaran Digital

Semua murid menggambarkan perasaan yang seronok, tenang dan selesa apabila menggunakan alat bantu digital. Suasana kelas yang berhawa dingin dan persekitaran santai turut menyumbang kepada pengalaman positif ini.

“Belajar dengan Cikgu guna video, kelas sejuk... saya suka.” – M1

Dapatan ini membuktikan bahawa faktor emosi dan persekitaran fizikal memainkan peranan penting dalam membentuk motivasi intrinsik murid.

Tema 5: Keberkesanan Paparan Visual Berskala Besar

Salah seorang murid menyatakan bahawa paparan pada skrin besar (seperti televisyen pintar) sangat membantu dari segi pembacaan kerana tulisan lebih jelas dan besar.

“Kalau guna TV besar tu senang baca... tulisan besar.” – M6

Reka bentuk visual yang mesra pengguna memberi impak besar kepada murid dengan kemahiran membaca rendah.

Tema 6: Persepsi Positif terhadap Guru

Guru digambarkan sebagai penyayang, penyabar dan mudah membantu apabila murid mengalami kesukaran membaca. Sokongan afektif ini menjadikan murid berani mencuba dan tidak takut membuat kesilapan.

“Cikgu ajar baik... kalau tak faham, dia tunjuk lagi.” – M2

Hubungan guru-murid yang positif menjadi pemangkin kepada pembelajaran yang berkesan dan selesa.

Tema 7: Gabungan Guru dan Aplikasi Meningkatkan Keberkesanan

Murid menyatakan bahawa penggunaan aplikasi sahaja tidak mencukupi. Penglibatan aktif guru dalam membimbing sebelum dan semasa penggunaan aplikasi sangat penting.

“Kalau cikgu tunjuk dulu baru saya faham... lepas tu senang nak ikut baca.” – M1

Ini menunjukkan bahawa teknologi bukan pengganti guru, sebaliknya pelengkap kepada pengajaran bermakna.

Tema 8: Kaedah Pengajaran Berasaskan VARK

Guru memanfaatkan pendekatan multi-gaya pembelajaran menggunakan gambar, bunyi, membaca bersama, serta aktiviti menyalin dan melukis. Pendekatan ini membolehkan murid lebih fokus dan memahami isi pelajaran dengan lebih baik.

“Cikgu tunjuk gambar, pastu sebut kuat... lepas tu saya tulis.” – M4

Gabungan pelbagai deria membantu penguasaan literasi yang lebih menyeluruh.

Tema 9: Ganjaran Meningkatkan Minat dan Disiplin

Guru memberikan ganjaran seperti bermain permainan digital atau aktiviti fizikal setelah murid menyiapkan tugas membaca. Ini terbukti berkesan mengekalkan motivasi dan disiplin.

“Siap kerja boleh main game... saya suka sangat.” – M5

Pengukuhan positif mendorong murid untuk berusaha menyempurnakan tugas.

Tema 10: Cabaran Sambungan Internet di Sekolah

Isu utama yang dihadapi ialah kelajuan internet yang perlahan, menyukarkan akses kepada video pembelajaran atau aplikasi berasaskan dalam talian.

“Kadang-kadang video tak boleh buka sebab internet slow.” – M2


Hal ini mengganggu kelangsungan PdP dan menjejaskan pengalaman pembelajaran yang lancar.

Tema 11: Cadangan Penambahbaikan Sumber

Murid mencadangkan agar setiap murid dibekalkan peranti individu, disediakan kelas tambahan membaca, dan dianjurkan aktiviti luar seperti lawatan ke perpustakaan.

“Kalau ada tablet sorang satu, senang nak guna.” – M3

Cadangan ini menunjukkan kesedaran murid terhadap keperluan pembelajaran berasaskan teknologi yang adil dan menyeluruh.



Tema 12: Cadangan Inovasi Aplikasi

Murid berpendapat aplikasi yang interaktif dan membenarkan mereka membaca serta menulis dalam satu platform akan memudahkan dan menyeronokkan mereka.

“Best kalau boleh tulis terus dalam tu [aplikasi].” – M6

Ini menunjukkan potensi pemikiran kritis dan kesediaan murid untuk terlibat dalam pembelajaran yang lebih aktif dan berdikari.

Konklusinya, dapatan menunjukkan bahawa pembelajaran digital yang menggabungkan elemen didik hibur, strategi VARK, serta persekitaran guru yang menyokong mampu mempertingkatkan minat dan kemahiran membaca murid asnaf. Walau bagaimanapun, kekangan seperti jurang digital dan cabaran infrastruktur internet menjadi halangan yang perlu ditangani secara sistematik melalui kerjasama guru, sekolah, ibu bapa dan pihak pembuat dasar.

Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan ini berasaskan kepada tiga teras utama kajian: kreativiti didik hibur, motivasi murid asnaf, dan strategi pelbagai deria (VARK) dalam meningkatkan kemahiran membaca.

Kreativiti Didik Hibur Memperkayakan Proses Pengajaran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai pendekatan kreatif seperti tayangan video animasi, permainan digital berasaskan huruf dan suku kata, serta aktiviti melukis dan mewarna objek daripada teks bacaan untuk menjadikan pengajaran membaca lebih menarik dan menyeronokkan. Ini sejajar dengan penemuan Saktianayakan, Mahamod, dan Othman (2023) yang menegaskan bahawa amalan didik hibur yang kreatif mampu merangsang minat dan memudahkan pemahaman murid. Selain itu, kajian Pauline Unjong dan Zuraini Seruji (2022) juga menunjukkan keberkesanan didik hibur dalam meningkatkan kefahaman dan motivasi membaca murid LINUS. Murid asnaf dalam kajian ini menyatakan mereka lebih tertarik kepada aktiviti interaktif dan berwarna-warni, seiring dengan dapatan Hamid, Ahmad, dan Isa (2021) yang menegaskan pendekatan menyeronokkan seperti aktiviti seni dan permainan dapat meningkatkan motivasi dalam kalangan murid berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, kajian ini mengingatkan bahawa keberkesanan pendekatan didik hibur bergantung kepada kerjasama pelbagai pihak. Seperti yang dilaporkan oleh Sembai Aban Abdullah dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2022), guru memerlukan latihan khusus dan sokongan pedagogi kreatif, manakala sokongan pihak sekolah, ibu bapa, dan pembuat dasar juga penting untuk memastikan pelaksanaan berterusan dan lestari.

Motivasi Murid Asnaf Diperkukuh Melalui Ganjaran dan Sokongan Guru

Kajian ini memperlihatkan bahawa motivasi murid asnaf merupakan faktor utama dalam keberhasilan pembelajaran membaca menggunakan pendekatan didik hibur. Sokongan berterusan guru dalam bentuk galakan dan pujian, serta ganjaran seperti akses kepada permainan digital selepas menyelesaikan tugas, dilihat meningkatkan semangat dan disiplin murid. Penemuan ini sejalan dengan teori Self-Determination Deci dan Ryan (2000), yang menekankan kepentingan autonomi, kecekapan, dan keterikatan sosial dalam membina motivasi intrinsik. Kajian oleh Hamid, Ahmad, dan Isa (2021) juga menyokong bahawa murid dari latar belakang sosioekonomi rendah menunjukkan minat tinggi apabila dilibatkan dalam pembelajaran kreatif dan menyeronokkan. Selain itu, Latiff, Hassan, dan Zaki (2022) mendapati aktiviti berstruktur seperti kuiz visual dan permainan meningkatkan motivasi intrinsik dan suasana pembelajaran kondusif. Namun, kajian ini turut menegaskan bahawa motivasi yang dipupuk dalam bilik darjah perlu disokong oleh persekitaran rumah dan komuniti bagi menjamin keberkesanan jangka panjang, satu cabaran yang turut dibangkitkan oleh Salimiah@Sazarinah Jamili dan Zamri Mahamod (2021).

Strategi Pelbagai Deria (VARK) Memperkukuh Kemahiran Membaca

Dapatan kajian menunjukkan penggunaan model VARK secara konsisten dalam sesi pengajaran membaca oleh guru, dengan aktiviti merangsang deria visual, auditori, bacaan/penulisan, dan kinestetik. Ini membantu murid asnaf mengekalkan tumpuan dan meningkatkan pemahaman, terutama bagi murid yang menghadapi kesukaran dalam pendekatan pembelajaran tradisional. Hasil ini konsisten dengan kajian Othman, Rahman, dan Zakaria (2023) yang menunjukkan pelaksanaan strategi VARK meningkatkan motivasi dan penglibatan murid berpendapatan rendah. Othman, Yusof, dan Mahmud (2023) turut menegaskan bahawa pembelajaran berasaskan pelbagai deria menyokong pendidikan inklusif dan keberkesanan hasil pembelajaran.

Keberkesanan strategi ini bergantung kepada kesediaan guru menyesuaikan pendekatan mengikut gaya belajar murid serta sokongan sekolah menyediakan kemudahan dan sumber yang mencukupi. Hal ini sejajar dengan cabaran yang dilaporkan oleh Hanapiah dan Mohd Rusli (2023) mengenai kekurangan kemudahan dan latihan guru dalam penggunaan bahan bantu mengajar yang efektif.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menyokong objektif utama kajian iaitu kreativiti didik hibur guru mampu meningkatkan penglibatan dan minat membaca murid asnaf; motivasi murid dapat dipertingkatkan melalui ganjaran dan sokongan guru; serta strategi VARK memperkukuh pemahaman dan tumpuan murid berisiko. Walau bagaimanapun, cabaran dari segi latihan guru, sokongan teknologi, dan kerjasama pihak berkepentingan perlu diberi perhatian untuk memastikan keberkesanan pendekatan ini dapat diperkukuh dan dikekalkan secara berterusan.

Penutup

Kajian ini telah mencapai semua objektif utama yang ditetapkan, iaitu meneroka peranan kreativiti dalam pendekatan didik hibur, mengkaji bagaimana pendekatan pedagogi yang empatik dapat memupuk motivasi murid asnaf, serta menilai keberkesanan strategi pembelajaran pelbagai deria berasaskan model VARK dalam meningkatkan kemahiran membaca murid asnaf sekolah rendah. Pendekatan pengajaran yang kreatif, berstruktur, dan berorientasikan murid ini terbukti mampu meningkatkan penglibatan, pemahaman, serta keyakinan diri murid secara signifikan. Secara khusus, kajian ini memberikan impak yang besar kepada murid asnaf di Perlis, dengan menyediakan pendekatan pedagogi yang inklusif dan sesuai mengikut gaya pembelajaran individu murid. Ini selaras dengan usaha kerajaan negeri Perlis dalam memperkukuh pembangunan modal insan yang holistik dan berdaya saing, melalui pendidikan yang adil dan berkesan.

Pelaksanaan pendekatan ini juga sejajar dengan aspirasi Kurikulum Persekolahan 2027 (KP2027) yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran berdiferensiasi, dan penggunaan teknologi digital. Selain itu, ia turut menyokong visi Gagasan Malaysia Madani yang mengutamakan nilai keadilan sosial, kemakmuran bersama, serta pembangunan masyarakat inklusif dan lestari. Pendekatan pedagogi yang empatik dan sokongan komuniti menjadi elemen penting dalam memastikan murid asnaf tidak ketinggalan dalam pembelajaran dan pembangunan sahsiah. Kejayaan pelaksanaan pendekatan didik hibur berasaskan model VARK bagi murid asnaf di Perlis memerlukan komitmen bersepadu daripada guru, pentadbir sekolah, ibu bapa dan pihak berkepentingan lain untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, holistik dan mampan. Dengan sokongan berterusan ini, visi KP2027 dan Gagasan Malaysia Madani dapat direalisasikan secara efektif di peringkat akar umbi. Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada pengembangan amalan pedagogi inovatif yang responsif dan inklusif khusus untuk murid asnaf. Ia membuka ruang kepada pembangunan model intervensi bersepadu yang berdaya tahan dalam menangani cabaran pembelajaran murid asnaf, sekaligus memastikan mereka mendapat pendidikan berkualiti serta peluang yang adil dan setara untuk mencapai kejayaan akademik dan pembangunan diri.

Penghargaan

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE), Perlis, Malaysia atas sokongan kewangan melalui Geran Jangka Pendek (STG-035, Kod SO: 21866), yang telah memberikan ruang dan peluang bagi pelaksanaan kajian bertajuk "Amalan Kreativiti dan Inovasi Mengintegrasikan Elemen Aplikasi Digital dalam Meningkatkan Penguasaan Tahap Kemahiran Membaca Murid Asnaf di Negeri Perlis."

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini. Penghargaan khusus disampaikan kepada pihak pentadbiran sekolah, guru pemulihan Bahasa Melayu, serta murid-murid yang terlibat atas komitmen, kerjasama dan sokongan berterusan yang amat dihargai sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad, N., & Othman, S. (2020). Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 6(2), 1–11.
- Ayob, N. H., Aziz, M. A., & Ayob, N. A. (2022). Bridging the digital divide: Innovation policy and implementation in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 1373–1390.
- Carine Care Simon dan Ruhizan Mohd Yasin. (2022). Pelaksanaan Pendekatan Kaedah Edutainment dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah-Sekolah Luar Bandar di Sabah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 113- 126.
- Hamid, A., Ahmad, S., & Isa, H. (2021). Penggunaan kaedah didik hibur dalam pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak prasekolah. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 109–117.
- Hamid, A., Zulkarnain, M., & Isa, H. A. (2021). Kaedah pujian dan penghargaan dalam pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak prasekolah. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 109–117.
- Hanapiah, N., & Mohd Rusli, N. F. (2023). Cabaran pelaksanaan didik hibur oleh guru bagi pengajaran simpulan bahasa dalam kalangan murid sekolah rendah. *LSP International Journal*, 10(2), 61–78.
- Ismail, M. N., Rahman, M. A., & Fauzi, A. (2021). Keperluan latihan guru dalam penggunaan teknologi pendidikan di sekolah luar bandar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1), 23–34.
- Jamili, S., & Mahamod, Z. (2021). Perbezaan penerapan aktiviti didik hibur secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 40–49.
- Muhammad Fadhil, Mahzan dan Norul Haida. (2021). Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Berasaskan Pendekatan Didik Hibur Di Sekolah Rendah. *International Journal of Aquatic Science* 12(2): 2976- 2986.
- Norlela Ahmad dan Shamsudin Othman. (2020). Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training (InJET)* 6(2): 1-11
- Othman, M. Y., Rahman, M. A., & Zakaria, W. (2023). Keberkesanan pendekatan VARK dalam meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 48(1), 45–60.
- Pauline Unjong, & Seruji, Z. (2022). Pelaksanaan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran membaca Bahasa Melayu murid LINUS Tahun 3. *Asian People Journal*, 5(1), 22–30.
- Roslan, S., Hassan, S., & Azlan, A. (2023). Penggunaan bahan digital interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah luar bandar. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 15(2), 45–59.

- Saad, A. A., Manaf, N. H. A., & Karim, N. A. (2023). Intervensi literasi awal dalam kalangan kanak-kanak isi rumah berpendapatan rendah: Cabaran dan peluang. *Malaysian Journal of Education*, 48(2), 123–135.
- Saktianayakan, S., Mahamod, Z., & Othman, N. (2023). Amalan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM)*, 1(1), 1-15. ICBE Publication. ISSN (Online): 2976-2634.
- Salimiah@Sazarinah Jamili & Zamri Mahamod. (2021). Perbezaan Penerapan Aktiviti Didik Hibur Secara Bersemuka Dan Dalam Talian Berdasarkan Jantina Dan Pengalaman Mengajar Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 40-49.
- Sembai Aban Abdullah, S. A., & Wan Mohammad, W. M. R. (2022). Cabaran pengaplikasian pendekatan didik hibur dalam pengajaran guru Bahasa Melayu dari aspek kemahiran membaca dalam talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 349–362.
- Siti Aisyah Sembai Aban Abdullah dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Cabaran Pengaplikasian Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dari Aspek Kemahiran Membaca Dalam Talian. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 349-362.
- Zanariah Wahab dan Zamri Mahamod. (2017). Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan Dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Pendekatan Didik Hibur. <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/3-zanariah-binti-wahab-zamri-mahamod.pdf> (Diakses pada 14 November 2022)